

Ucapan Aluan

Yang Berbahagia

Datuk Ir. Ahmad 'Asri Abdul Hamid

Ketua Eksekutif

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)

Lawatan Ke LRT3

10 Februari 2020 (Isnin)

Yang Berhormat Tuan Baru Bian, Menteri Kerja Raya,

Para tetamu kehormat,

Wakil-wakil media,

Tuan-tuan, puan-puan dan para hadirin yang dihormati sekalian,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

1. Terlebih dahulu, bagi pihak CIDB, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada tetamu kehormat kita **Yang Berhormat Tuan Baru Bian, Menteri Kerja Raya Malaysia** kerana sudi meluangkan masa untuk bersama-sama kita bagi menyaksikan pencapaian yang signifikan dalam teras strategik Kelestarian Alam Sekitar di bawah Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP) 2016 – 2020 ini.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

2. Pada Mac tahun lalu, CIDB telah melancarkan Sustainable INFRASTAR, sebuah alat penarafan yang menggabungkan elemen pendekatan hijau untuk mengukur tahap kemampuan sesebuah projek infrastruktur, termasuk rekabentuk, bangunan dan pembinaan projek tersebut.

3. Sistem penarafan ini merupakan hasil daripada kerjasama penggiat-penggiat industri daripada pihak swasta dan Kerajaan menerusi pelbagai jawatankuasa yang telah diwujudkan dan diselaraskan oleh CIDB.

4. Ianya dibangunkan bagi memastikan projek-projek infrastruktur di negara ini dibina secara terancang dengan mengambil kira elemen-elemen kemampuan secara menyeluruh seperti alam sekitar, sosial dan ekonomi sejak di peringkat awal projek pembinaan. Kelainan Sustainable INFRASTAR adalah ianya boleh digunakan untuk semua jenis projek infrastruktur.

5. Saya amat berbesar hati kerana bukan sahaja usaha ini sudah mula mendapat sokongan daripada penggiat industri untuk mendapatkan penilaian ke atas projek-projek infrastruktur mereka, malah pada hari ini, kita menyaksikan projek infrastruktur pertama yang menerima penarafan 5-bintang. Syabas diucapkan!

6. Pencapaian MRCB George Kent Sdn Bhd ini merupakan permulaan yang amat baik dan harus dijadikan teladan kepada penggiat industri yang lain. Tambahan lagi, CIDB juga akan memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bersama MRCB

George Kent Sdn Bhd untuk kerjasama strategik yang bertujuan untuk menambahbaik program-program kemampanan alam sekitar dan meningkatkan amalan-amalan terbaik di dalam industri pembinaan.

7. CIDB sememangnya komited dalam memastikan kelestarian alam sekitar menjadi keutamaan dalam pembinaan. Menerusi Sustainable INFRASTAR khususnya, pihak CIDB sehingga hari ini masih lagi tidak mengenakan sebarang bayaran untuk menjalankan penilaian ini. Justeru itu, saya ingin menggesa penggiat industri yang lain untuk mengambil peluang yang ada dan mendapatkan penilaian Sustainable INFRASTAR.

8. Dengan kerjasama yang padu dan komitmen daripada semua pihak, kita dapat bersama-sama memupuk budaya melestarikan alam sekitar dalam industri pembinaan, sekaligus merealisasikan slogan CITP, “Bersama Memacu Kecemerlangan Industri Pembinaan.”

9. Akhir kata, sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Baru Bian, Menteri Kerja Raya di atas kesudian beliau untuk bersama-sama kita pagi ini. Terima kasih serta syabas diucapkan kepada kepada pihak MRCB George Kent Sdn Bhd atas kerjasama yang diberikan untuk meningkatkan amalan kelestarian alam sekitar dalam industri pembinaan.

10. Semoga pencapaian hari ini dapat menjadi inspirasi dan pembakar semangat kepada penggiat industri yang lain untuk menjalankan penilaian Sustainable INFRASTAR dan sistem penilaian infrastruktur mampan sedia ada dalam projek-projek yang dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

#####